

Contohi jualan tiket berpusat di TBS: Dr M

BH - 2/2/2019 M/S: 3

[FOTO FACEBOOK DR MAHATHIR MOHAMAD]

Kuala Lumpur: Tun Dr Mahathir Mohamad mahu terminal bas lain di negara ini mencontohi sistem Jualan Tiket Berpusat (CTS) yang diguna pakai di Terminal Bersepadu Selatan (TBS) di Bandar Tasek Selatan di sini, sejak ia mula beroperasi pada 2011.

Perdana Menteri, yang turut memuji keberkesanan sistem itu, berkata pada masa sama, ia dapat meningkatkan mutu industri pengangkutan awam di negara ini terutama perkhidmatan bas.

“Saya dapati ramai pengguna di sini selesa. Perkhidmatan yang ada di sini bagus. Tapi saya fikir stesen bas seperti ini perlu ada di tempat lain juga.

“Model (sistem) stesen ini boleh juga digunakan di seluruh Malaysia. Mungkin stesen lain kecil tetapi sistem yang ada di sini (TBS) cukup baik,” katanya selepas mengadakan lawatan mengejut ke TBS bersempena perayaan Tahun Baharu Cina,

di sini, semalam.

Dr Mahathir, yang berada hampir satu jam di terminal bersepadu itu untuk meninjau operasi, turut meluangkan masa bertemu orang ramai yang menggunakan perkhidmatan di terminal itu serta mengunjungi kedai nasi kandar di Aras 4 TBS.

Sistem jualan terancang

CTS yang diguna pakai TBS sejak lapan tahun lalu adalah sistem terkini di mana penjualan tiket secara individu oleh pengendali bas ekspres disepadukan dalam satu sistem jualan tiket yang inovatif dan terancang.

Pengguna bukan sahaja boleh membeli tiket bas di kaunter tetapi juga di kiosk tiket layan diri di 12 lokasi di terminal itu. CTS dapat mengelak pengguna daripada ditipu ulat tiket kerana setiap pembelian tiket memerlukan maklumat peribadi selain destinasi ingin ditujui.

Ketika melahirkan kepuasan terhadap perkhidmatan yang



Dr Mahathir membuat tinjauan operasi dan tahap perkhidmatan di TBS, Bandar Tasek Selatan, semalam.

disediakan TBS, Dr Mahathir mahu pengguna memanfaatkan kemudahan sedia ada selain menjaga kebersihan ketika berada di terminal itu.

“Kalau nak kira jumlah pengguna memang ramai, jadi kita kena pastikan tempat ini bersih termasuk di tandas,” katanya.

Sementara itu, Pengerusi Kumpulan Maju Holdings Sdn

Bhd, Tan Sri Abu Sahid Mohamed, berkata idea pembinaan terminal itu dicetuskan Dr Mahathir sekitar 2000.

“Beliau mahu saya menjalankan kajian kerana ada rungutan orang ramai mengenai masalah kesesakan dan ulat tiket di stesen Pudu ketika itu. Saya ambil masa tiga tahun untuk buat kaji selidik itu,” katanya.

BERNAMA